

NOTIS PENTING:**NOTIS PINDAAN BAGI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PELAN PENUKARAN BAKI AUTOMATIK
CIMB ISLAMIC**

11 Disember 2025

Para Pelanggan Yang Dihargai,

Merujuk kepada Notis Penting bertarikh 21 November 2025 bertajuk "[Penukaran Konsep Syariah kepada Tawarruq untuk semua Kad Kredit-i CIMB Islamic Bank Berhad](#)", kami ingin memaklumkan kepada anda bahawa konsep Syariah untuk semua Kad Kredit-i CIMB Islamic, termasuk perkhidmatan berkaitan yang kini berada di bawah konsep Ujrah, akan ditukar kepada konsep Tawarruq berkuat kuasa 1 Januari 2026.

Dengan ini kami memberikan notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar bahawa Terma dan Syarat Pelan Penukaran Baki Automatik CIMB Islamic akan dipinda dan akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Untuk memudahkan rujukan, pindaan dalam klausa ditandakan dengan huruf tebal dan garis bawah.

Anda boleh melihat Terma dan Syarat yang telah dipinda sepenuhnya pada 1 Januari 2026.

Klausa yang di semak	Klausa Sedia Ada	Klausa Disemak
Klausa 2	2. Program membolehkan Pemegang Kad membayar balik baki prinsipal tertunggak Pemegang Kad secara ansuran selama 36 bulan ("Tempoh Penukaran") jika Pemegang Kad memenuhi syarat-syarat dalam Klausa 3 di bawah dan memenuhi kriteria kelayakan lain yang ditentukan oleh CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] (selepas ini dirujuk sebagai "CIMB") ("Pemegang Kad Layak").	2. Program membolehkan Pemegang Kad membayar baki prinsipal tertunggak Pemegang Kad secara ansuran selama 36 bulan (" Tempoh Penukaran ") jika Pemegang Kad memenuhi syarat-syarat dalam Klausa 3 di bawah dan memenuhi kriteria kelayakan lain yang ditentukan oleh CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] (selepas ini dirujuk sebagai " CIMB ") (" Pemegang Kad Layak ").
Klausa 3 (ii)	ii. Nisbah pembayaran purata Pemegang Kad untuk 12 bulan terdahulu tidak melebihi 10% (iaitu bagi 12 bulan terdahulu beliau telah membuat pembayaran purata sebanyak 10% atau kurang dari baki prinsipal tertunggaknya);	ii. Nisbah pembayaran purata Pemegang Kad untuk 12 bulan terdahulu tidak melebihi 10% (iaitu bagi 12 bulan terdahulu Pemegang Kad telah membuat pembayaran purata sebanyak 10% atau kurang dari baki prinsipal tertunggaknya);
Klausa 11	11. Amaun Penukaran perlu dibayar secara ansuran bulanan tetap semasa Tempoh Penukaran meliputi bahagian prinsipal dan bahagian caj kemudahan ansuran bulanan perlu dibayar ("Bayaran Bulanan	11. Amaun Penukaran perlu dibayar secara ansuran bulanan tetap semasa Tempoh Penukaran meliputi bahagian prinsipal dan bahagian Caj Keuntungan ansuran bulanan perlu dibayar ("Bayaran Bulanan Penukaran") akan dinyatakan di dalam

	Penukaran”) akan dinyatakan di dalam penyata akaun kad kredit Pemegang Kad (“Akaun”). Bayaran Bulanan Penukaran dikira mengikut cara yang ditetapkan dalam Lembaran Pendedahan Produk CIMB yang dikeluarkan untuk Program ini.	penyata akaun kad kredit Pemegang Kad (“Akaun”). Bayaran Bulanan Penukaran dikira mengikut cara yang ditetapkan dalam Lembaran Pendedahan Produk CIMB yang dikeluarkan untuk Program ini.
Klausa 13	13. Jika Pemegang Kad memilih untuk membatalkan penukaran kali pertama mereka, Amaun Penukaran akan dimasukkan kembali ke dalam Akaun mereka dan caj kemudahan terpakai biasa akan dikenakan seolah-olah penukaran tidak pernah berlaku.	13. Jika Pemegang Kad memilih untuk membatalkan penukaran kali pertama mereka, Amaun Penukaran akan dimasukkan kembali ke dalam Akaun mereka dan Caj Keuntungan terpakai biasa akan dikenakan seolah-olah penukaran tidak pernah berlaku.
Klausa 15	15. Bayaran Bulanan Penukaran membentuk sebahagian daripada pembayaran minimum kena dibayar oleh Pemegang Kad dan akan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad. Bayaran Bulanan Penukaran hendaklah dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang pembayaran. Jika Bayaran Bulanan Penukaran tidak dibayar sepenuhnya menjelang tarikh matang pembayaran setiap bulan, caj pampasan (Ta’widh) seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk CIMB akan dikenakan selepas tarikh matang pembayaran dan caj pampasan tersebut hendaklah dibayar sepenuhnya pada tarikh matang pembayaran berikutnya yang dinyatakan dalam Penyata. Caj pampasan dikenakan melalui cara ganti rugi jumlah tertentu dan bukan sebagai penalti dan hendaklah dibayar sebelum, serta selepas mana-mana perintah atau penghakiman mahkamah.	15. Bayaran Bulanan Penukaran membentuk sebahagian daripada pembayaran minimum kena dibayar oleh Pemegang Kad dan akan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad. Bayaran Bulanan Penukaran hendaklah dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang pembayaran. Jika Bayaran Bulanan Penukaran tidak dibayar sepenuhnya menjelang tarikh matang pembayaran setiap bulan, pampasan (Ta’widh) seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk CIMB akan dikenakan selepas tarikh matang pembayaran dan pampasan (Ta’widh) tersebut hendaklah dibayar sepenuhnya pada tarikh matang pembayaran berikutnya yang dinyatakan dalam Penyata. pampasan (Ta’widh) dikenakan melalui cara ganti rugi jumlah tertentu dan bukan sebagai penalti dan hendaklah dibayar sebelum, serta selepas mana-mana perintah atau penghakiman mahkamah.
Klausa 18	Caj Kemudahan Perlu Dibayar 18. CIMB akan memberi rebat dan mengenakan caj kemudahan perlu bayar pada kadar yang ditetapkan dalam Lembaran Pendedahan Produk CIMB yang dikeluarkan untuk Program ini atas sebarang wang tidak dibayar yang kena dibayar dan kekal tidak dibayar kepada CIMB di bawah Program selepas tarikh matang berkenaannya yang dikira atas dasar baki harian. Caj kemudahan ini akan dicajkan ke Akaun Pemegang Kad	Caj Keuntungan 18. CIMB akan memberi rebat dan mengenakan Caj Keuntungan pada kadar yang ditetapkan dalam Lembaran Pendedahan Produk CIMB yang dikeluarkan untuk Program ini atas sebarang wang Amaun Penukaran tidak dibayar yang kena dibayar dan kekal tidak dibayar kepada CIMB di bawah Program selepas tarikh matang berkenaannya yang dikira atas dasar baki harian. Caj

	dan dikira dari tarikh pengeposan dalam Penyata sehingga bayaran penuh diterima. Caj kemudahan ini yang terakru hendaklah dibayar sepenuhnya pada tarikh matang bayaran berikutnya yang dinyatakan dalam Penyata.	<u>Keuntungan</u> ini akan dicajkan ke Akaun Pemegang Kad dan dikira dari tarikh pengeposan dalam Penyata sehingga bayaran penuh diterima. <u>Caj Keuntungan</u> ini yang terakru hendaklah dibayar sepenuhnya pada tarikh matang bayaran berikutnya yang dinyatakan dalam Penyata.
Klausa 21	21. Pemegang Kad boleh terlebih dahulu menyelesaikan baki tertunggak di bawah Program sebelum tamat Tempoh Penukaran dengan menghubungi Pusat Panggilan CIMB di +603 6204 7788 dan memberikan kepada CIMB notis tiga puluh (30) hari berkenaan niat penyelesaian awalnya. Dalam melakukan penyelesaian awal Pemegang Kad perlu membayar balik kepada CIMB jumlah baki tertunggak Amaun Penukaran (iaitu ansuran bulanan kena dibayar termasuk jumlah amaun prinsipal, caj kemudahan perlu bayar dan caj pampasan) yang terhutang di bawah Akaun Pemegang Kad dan CIMB akan memberikan rebat di mana berkenaan.	21. Pemegang Kad boleh terlebih dahulu menyelesaikan baki tertunggak di bawah Program sebelum tamat Tempoh Penukaran dengan menghubungi Pusat Panggilan CIMB di +603 6204 7788 dan memberikan kepada CIMB notis tiga puluh (30) hari berkenaan niat penyelesaian awalnya. Dalam melakukan penyelesaian awal, Pemegang Kad perlu membayar balik kepada CIMB jumlah baki tertunggak Amaun Penukaran (iaitu ansuran bulanan kena dibayar termasuk jumlah amaun prinsipal, <u>Caj Keuntungan</u> dan caj pampasan) yang terhutang di bawah Akaun Pemegang Kad dan CIMB akan memberikan rebat di mana berkenaan.
Klausa 23	23. Jika Pemegang Kad didaftarkan dalam Program tetapi CIMB kemudiannya mendapati Pemegang Kad adalah tidak layak atau memungkirkan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini atau mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad atau tidak mempunyai had kredit yang mencukupi di bawah Akaun, CIMB merizabkan hak untuk menarik balik penukaran dan membatalkan pendaftaran Pemegang Kad ke dalam Program dan Amaun Penukaran akan dikembalikan ke dalam Akaun mereka seolah-olah penukaran tidak pernah berlaku dan caj kemudahan terpakai biasa akan dikenakan.	23. Jika Pemegang Kad didaftarkan dalam Program tetapi CIMB kemudiannya mendapati Pemegang Kad adalah tidak layak atau memungkirkan mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad atau tidak mempunyai had kredit yang mencukupi di bawah Akaun, CIMB merizabkan hak untuk menarik balik penukaran dan membatalkan pendaftaran Pemegang Kad ke dalam Program dan Amaun Penukaran akan dikembalikan ke dalam Akaun mereka seolah-olah penukaran tidak pernah berlaku dan <u>Caj Keuntungan</u> terpakai biasa akan dikenakan.
Klausa 24	24. Jika Pemegang Kad gagal melakukan Bayaran Bulanan Penukarannya selama tiga (3) bulan berturut-turut tidak kira sama ada kejadian ingkar telah berlaku, CIMB boleh pada bila-bila masa, menamatkan Program di mana jumlah amaun prinsipal Amaun Penukaran yang tertunggak bersama dengan caj kemudahan terpakai yang perlu dibayar, caj pampasan dan baki kesemua	24. Jika Pemegang Kad gagal melakukan Bayaran Bulanan Penukaran selama tiga (3) bulan berturut-turut tidak kira sama ada kejadian ingkar telah berlaku, CIMB boleh pada bila-bila masa, menamatkan Program di mana jumlah amaun prinsipal Amaun Penukaran yang tertunggak bersama dengan <u>Caj Keuntungan</u> terpakai yang perlu dibayar, caj pampasan dan baki kesemua

	wang lain yang kena dibayar dan terhutang di bawah Akaun Pemegang Kad hendaklah dibayar balik dengan segera.	wang lain yang kena dibayar dan terhutang di bawah Akaun Pemegang Kad hendaklah dibayar balik dengan segera.
Klausula 25	25. Tanpa prejudis kepada Klausula 24, jika Pemegang Kad memungkiri mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad atau mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini atau jika Kad dibatalkan untuk apa jua sebab, semua wang yang kena dibayar dan terhutang di bawah Program (yang terdiri daripada jumlah amaun prinsipal Amaun Penukaran yang terhutang, caj kemudahan terpakai yang perlu dibayar dan caj pampasan) mesti dibayar semula dengan segera	25. Tanpa prejudis kepada Klausula 24, jika Pemegang Kad memungkiri mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad atau mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau jika Kad dibatalkan untuk apa jua sebab, semua wang yang kena dibayar dan terhutang di bawah Program (yang terdiri daripada jumlah amaun prinsipal Amaun Penukaran yang terhutang, <u>Caj Keuntungan</u> terpakai yang perlu dibayar dan caj pampasan) mesti dibayar semula dengan segera.

Terima Kasih.

Pihak Pengurusan

CIMB Islamic Bank Berhad